

## PINDAAN PERLEMBAGAAN UMNO 2022 MENGGALAKKAN KEDIKTATORAN DALAM UMNO

Oleh

Tun Abdul Hamid Mohamad

Maka Persidangan Agung Khas UMNO pada 15 Mei 2022 pun meluluskan pindaan kepada Perlembagaan UMNO. Mari kita lihat pindaan itu dengan lebih dekat. Fasal 10.16.1 setelah dipinda, berbunyi:

*“Majlis Kerja Tertinggi berhak menangguhan pemilihan di peringkat Majlis Kerja Tertinggi, Bahagian dan Cawangan. Penangguhan ini tidak lebih daripada lapan belas (18) bulan dari tarikh pemilihan yang sepatutnya ia diadakan ATAU tidak lebih daripada enam (6) bulan selepas diadakan sesuatu Pilihan Raya Umum Parliment (Dewan Rakyat) yang mana terkemudian.”*

Untuk memudahkan perbincangan ini, saya hanya merujuk kepada jawatan-jawatan yang disebut dam Fasal 9.3 iaitu:

*“Presiden, Timbalan Presiden, tiga orang Naib Presiden dan dua puluh lima orang Ahli Majlis Tertinggi yang dipilih oleh Perhimpunan Agung tiap-tiap 3 tahun sekali.”*

Kita bincang kesan pindaan ini tanpa tiga perkataan “yang mana terkemudian” yang terdapat di hujung peruntukan itu, setelah dipinda, terlebih dahulu.

Sebelum dipinda, MKT hanya boleh menangguh pemilihan selama 18 bulan, menjadikan hayat jawatan pemegang-pemegang itu 3 tahun + 18 bulan = 4 tahun 6 bulan. Pemilihan mesti diadakan sebelum tamat tempoh 4 tahun 6 bulan itu.

Selepas dipinda, MKT ada dua pilihan: tidak lebih daripada 18 bulan ATAU tidak lebih daripada enam (6) bulan selepas diadakan sesuatu PRU.

Perhatikan perkataan “atau” yang digunakan dalam ayat itu. Ertinya, MKT hanya boleh memilih salah satu daripada dua pilihan yang ada itu.

Jika pada tarikh tamatnya tempoh tiga tahun itu, tempoh lima tahun hayat Parliment itu juga akan tamat tidak lama lagi dan MKT mahu tempoh mereka memegang jawatan dilanjutkan seberapa lama yang boleh, lebih baik MKT tidak menggunakan klaus kedua. Ini kerana klaus pertama boleh memberikan mereka 18 bulan tambahan, tidak kira PRU diadakan sebelum tamat tempoh 18 bulan atau tidak.

Jika dalam keadaan itu mereka menggunakan klaus kedua, pemilihan mesti dibuat dalam tempoh enam bulan selepas PRU diadakan yang, besar kemungkinan, adalah kurang daripada 18 bulan.

Katakanlah PRU baru sahaja diadakan sebelum tamatnya tempoh tiga tahun itu. Dalam keadaan ini, jika MKT memilih menggunakan klausanya pertama, penangguhan hanya selama 18 bulan selepas tarikh tamat tempoh tiga tahun itu.

Sebaliknya, jika ia memilih klausanya kedua, sama ada penangguhan akan lebih atau kurang daripada 18 bulan tertakluk kepada bila PRU berikutnya diadakan. Jika ia diadakan di hujung tempoh lima tahun hayat Parlimen, ia boleh jadi hampir 3 tahun + 5 tahun + 6 bulan = 8 tahun 6 bulan.

Kita lihat satu senario lagi, iaitu di mana UMNO adalah parti memerintah dan Presiden UMNO adalah Perdana Menteri. Perdana Menteri dan Menteri-Menteri yang kebanyakannya ahli MKT mahu terus memegang jawatan dalam parti seberapa lama yang boleh tanpa pemilihan baru. MKT boleh menggunakan klausanya kedua. Presiden UMNO boleh mengatur bila tarikh pemilihan diadakan tertakluk kepada apa yang diperuntukkan oleh Perlembagaan UMNO. Sebagai Perdana Menteri beliau boleh pula mengatur tarikh PRU dalam tempoh lima tahun hayat Parlimen itu yang boleh memberi tempoh paling panjang baginya dan penyokong-penyokongnya memegang jawatan parti. Ia boleh jadi hampir lapan tahun enam bulan (3 tahun + 5 tahun + 6 bulan = 8 tahun 6 bulan.)

Ertinya, selepas pindaan ini MKT, BERHAK (boleh) memilih untuk menangguh pemilihan sama ada tidak lebih daripada 18 bulan ATAU tidak lebih daripada enam bulan selepas PRU berikutnya. MKT boleh pilih yang lebih pendek atau yang lebih panjang tertakluk kepada keadaan pada sesuatu masa, mengikut budibacaranya. Itu jelas tanpa tiga perkataan “*yang mana terkemudian*”.

Adakah wujudnya tiga perkataan itu mengubah kedudukan ini? Sekali pandang ia seolah-olah memberi makna, dalam semua keadaan, MKT MESTI memilih yang lebih panjang. Sebenarnya tidak, kerana tiga perkataan itu terikat dengan perkataan “berhak”. Berhak melanjutkan termasuk berhak TIDAK melanjutkan. Berhak memilih yang lebih panjang termasuk berhak TIDAK memilih yang lebih panjang. Jadi, sama ada tiga perkataan itu wujud atau tidak, tidak mengubah hak yang ada pada MKT itu. Maka tiga perkataan itu adalah *superflous* (berlebihan). Ia tidak menambah atau mengurangkan apa-apa makna kepada peruntukan itu. Sebaliknya ia boleh menyababkan salah faham seperti yang saya telah sebut itu.

Pendaftar perlu meminta penjelasan daripada UMNO apakah tujuannya memasukkan tiga perkataan itu. Jika penjelasan yang memuaskan tidak dapat diberi dan Pendaftar hendak meluluskan juga pindaan itu, tiga perkataan itu hendaklah dipotong.

Maka, kesan pindaan ini ialah MKT boleh memilih untuk menangguh pemilihan atau tidak. Ia boleh memilih tempoh yang lebih panjang atau lebih pendek.

Yang pentingnya, pindaan ini akan membolehkan mereka memegang jawatan hampir tiga kali ganda daripada tempoh tiga tahun asal. Akibatnya, akan berkuranglah amalan

demokrasi dalam UMNO dan ia akan menjadikan pemimpin-pemimpin UMNO sebagai diktator.

Itukah yang dikehendaki oleh Presiden, ahli-ahli MKT, penjawat-penjawat UMNO yang menjadi perwakilan dan mengundi meluluskan pindaan itu? Adakah terdapat di antara mereka yang tidak mengetahui akibatnya? Adakah ahli-ahli biasa memahaminya dan mahukan demikian?

Kita tahu bahawa pindaan itu tidak akan berkuatkuasa melainkan setelah ia diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan. Peruntukan undang-undang mengenainya berbunyi begini:

*“1. Tiadalah sesuatu pertubuhan berdaftar boleh –*

*(a) ...*

*(b) meminda aturan-aturannya,*

*dengan tidak terlebih dahulu mendapat kebenaran Pendaftar...”*

Peruntukan ini langsung tidak menyebut apa tujuan mendapat kelulusan itu dan apakah faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan sama ada kelulusan hendak diberi atau tidak.

Mengikut laporan akhbar, ditanya oleh wartawan, Ketua Pengarah (Pendaftar) menjelaskan:

*“Kami perlu meneliti pindaan itu dari segi istilah dan terma-terma dalam perlembagaan parti itu, selain meneliti proses Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) termasuk jumlah kehadiran mesyuarat.*

*...ada banyak perkara perlu diteliti, lebih lagi ini membabitkan terma perundangan berkaitan perlembagaan parti...”*

Pejelasan Pendaftar pun hanya sekadar menyebut untuk meneliti terma dan istilah yang digunakan dan prosedur mesyuarat, dalam kata lain, format, bukan isi.

Biar apa pun kita tunggu lah keputusan Pendaftar. Tetapi, jika pindaan itu diluluskan sekalipun, ia tidak boleh digunakan untuk menangguh tarikh pemilihan sekali lagi untuk melanjutkan tempoh jawatan penjawat-penjawat pada masa ini. Berbuat demikian bererti menggunakan kedua-dua pilihan itu, lepas satu, satu. Itu tidak dibenarkan oleh pindaan itu.

Saya sarankan UMNO kembali ke pangkal jalan. Tiga tahun sekali pemilihan sudah cukup panjang. Dalam keadaan yang sangat terkecuali, penangguhan tidak lebih dari enam bulan adalah patut dan memadai. Lebih dari itu, apatah lagi seperti pindaan baru ini, ia mengurangkan amalan demokrasi dan menggalakkan kediktatoran dalam

parti. Sama ada ia digunakan sedemikian atau tidak bukanlah isunya. Isunya mengapa mengesahkan apa yang sepatutnya menjadi penyalahgunaan kuasa?

20 05 2022 (Dipinda pada 21 05 2022)

tunabdulhamid@gmail.com  
<http://www.tunabdulhamid.my>  
<https://tunabdulhamid.me>